



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	28/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	KeTSA/ JPNK		

Mapim gesa campur tangan kerajaan Persekutuan isu balak

Sinar, 28 Sept
2021_15

ALOR SETAR – Majlis Perundingan Islam Malaysia (Mapim) menggesa kerajaan Persekutuan campur tangan dalam kebenaran pembalakan seluas 75,000 hektar di negeri ini seperti didedahkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah minggu lalu.

Presidennya, Abdul Hamid berkata, pihaknya bimbang aktiviti pembalakan termasuk 25,000 hektar di kawasan Hutan Simpan Ulu Muda menjadi 'resipi' belakunya malapetaka alam lebih besar di Kedah.

Sehubungan itu, pihaknya mahu Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor mendedahkan secara terperinci butiran berkaitan konsesi balak dan premium yang telah dibayar bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan hutan.

"Nama-nama syarikat konsesi balak,

tempoh penebangan syarikat konsesi, melibatkan kawasan mana, berapa yuran konsesi yang dibayar kepada kerajaan dan nilai cukai balak yang diperoleh perlu didedahkan.

"Kita mahu tahu apa komitmen syarikat terbabit sekiranya bencana berlaku akibat pembalakan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Mohd Azmi berharap isu yang membelenggu Kedah dapat dirungkai secara bijaksana setelah kerajaan Persekutuan mengadakan rundingan dengan kerajaan negeri dan kebenaran pembalakan berkenaan dapat disemak semula.

"Kami harap pandangan daripada agensi berkaitan, ahli profesional, pakar alam sekitar dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) diambil kira untuk melihat implikasi pembalakan dilakukan dalam kawasan yang luas.

"Dengan kadar 4,166 hektar setahun yang akan dibalak, kesan kerosakan ekologi akan berganda dalam tempoh 18 tahun, malah apa sahaja boleh berlaku sepanjang pembalakan beroperasi," katanya lagi.

Beliau berkata, sektor pertanian terutama sawah padi akan menjadi mangsa utama apabila hutan dan kawasan tadahan air tergugat akibat pembalakan.

"Ribuan petani akan terkesan. Kawasan jelapang padi akan menerima akibat buruk apabila banjir atau kemarau ekstrem berlaku.

"Itu belum lagi risiko banjir pada skala besar yang kelak mengakibatkan kemusnahan infrastruktur awam dan kehidupan rakyat," katanya.

Mohd Azmi menegaskan, kerosakan alam yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia yang menjadi punca bencana semakin kerap berlaku.

Pada Rabu lalu, Muhammad Sanusi berkata, kerajaan negeri terpaksa membenarkan aktiviti pembalakan di kawasan Hutan Simpan Ulu Muda diteruskan oleh syarikat pembalakan bagi mengelak implikasi undang-undang.

Namun, katanya, aktiviti pembalakan hanya diteruskan di kawasan yang telah dikeluarkan lesen pembalakan sebelum ini.



MOHD AZMI



Laporan *Sinar Harian* pada Khamis lalu.